

Media Title : [www.iproperty.com.my](http://www.iproperty.com.my)  
Headline : Nak bina rumah sendiri? Jom mohon Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB!  
Date : 18 January 2021  
Page : 0  
Size : 21.17x219.21

---

## Nak bina rumah sendiri? Jom mohon Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB!



Nur Sabihah  
18 Jan 2021



*Anda ada tanah dan ingin bina rumah sendiri? Dapatkan subsidi sehingga RM20,000 melalui skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB!*



© sutichak/ 123RF

Bagi mereka yang mempunyai tanah persendirian tetapi masih belum mempunyai rumah sendiri, ini berita baik untuk anda. Semasa pembentangan [Belanjawan 2021](#), peruntukan sebanyak RM315 juta telah diberikan untuk pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh [Syarikat Perumahan Negara Berhad \(SPNB\)](#).

Dengan peruntukan yang telah dibentangkan ini, sekarang adalah masa yang baik bagi anda untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya dari skim perumahan ini. Selain daripada Skim RMR, ada [7 skim perumahan kerajaan yang tersedia untuk kumpulan B40 dan M40](#) yang anda boleh semak and mohon.

## **1. Apa itu Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB**

Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB atau Rumah Mesra Rakyat (RMR) 2021 diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40), seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Apa yang menarik dalam program perumahan ini, pemohon yang berjaya akan mendapat subsidi pembinaan sebanyak RM20,000. Ia merupakan jumlah yang besar dan boleh dimanfaatkan sepenuhnya bagi mereka yang layak.

## **2. Apa itu SPNB**

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan organisasi yang bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaraskan skim ini.

- Pemaju perumahan yang dimiliki kerajaan , syarikat milik Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
- Turut menawarkan projek Rumah Mampu Milik
- Di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

BACA: [Rumah Perakku: Cara memohon dan syarat-syarat kelayakan terkini](#)

## **3. Syarat-syarat kelayakan permohonan RMR**

Berikut merupakan syarat-syarat kelayakan permohonan RMR:

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas
- Pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM5,000
- Pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah sendiri/ rumah yang sedia ada sudah usang dan tidak sempurna
- Tanah tiada sebarang bebanan atau gadaian/ jika bukan pemilik tanah, perlu mendapatkan kebenaran
- Keluasan tanah tidak kurang dari 3,600 kps
- Tertakluk kepada peruntukan kewangan

Bagi pemohon dari semenanjung yang berusia 42 tahun ke atas, mereka memerlukan pemohon kedua yang berumur di antara tahun 18-42 tahun.

Bagi pemohon dari Sabah, Sarawak dan kawasan pulau yang melebihi usia 38 tahun, mereka memerlukan pemohon kedua yang berumur dari 18-38 tahun.

## **4. Ciri-ciri program RMR**

- Permohonan online boleh dibuat di laman web SPNB
- Rumah satu tingkat, tiga bilik tidur dan dua bilik air
- Bagi pembayaran pinjaman, ia akan diuruskan dan dikutip oleh pihak SPNB yang boleh dilakukan di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau sistem JomPay
- Dokumen pinjaman dan sekuriti akan diuruskan oleh firma guaman yang berdaftar dengan SPNB
- Perlaksanaan projek akan dilakukan oleh Kontraktor G1-G5 yang berdaftar dengan CIDB dan merupakan pembekal utama produk
- Caj pengurusan pinjaman akan dikenakan sebanyak 2%
- Bagi beberapa ciri produk, perlaksanaannya akan dijalankan mengikut kategori kawasan seperti berikut:

| Perkara                                       | Semenanjung Malaysia | Pulau di Semenanjung Malaysia | Sabah/ Sarawak/ Labuan |
|---|----------------------|-------------------------------|------------------------|
| Keluasan rumah (tertakluk kepada reka bentuk) | 1,000kps             | 850kps                        | 750kps                 |
| Keluasan tanah                                | 3,600kps             | 3,400kps                      | 3,200kps               |
| Harga (RM)                                    | 75,000               | 85,000                        | 75,000 – 106,500       |
| Jumlah pinjaman                               | 55,000               | 65,000                        | 55,000 – 86,500        |
| Jumlah anggaran ansuran bulanan (RM)          | 300                  | 352                           | 300-470                |

- Bagi pinjaman, jika pemohon meninggal dunia dan diinsuranskan, maka pinjaman tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Insurans. Jika tiada sebarang insurans pemohon kedua/tuan tanah/pewaris perlu meneruskan pembayaran bulanan.

#### Related Stories



4 inisiatif Belanjawan 2021 untuk perumahan yang boleh anda...



Panduan lengkap Pinjaman Perumahan Kerajaan (LPPSA) untuk penjawat...



Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ): Cara mohon dan syarat-syarat kelayakan...



10 kawasan kediaman paling popular di Malaysia pada tahun 2020

## 5. Reka bentuk rumah RMR

Apa yang menarik, SPNB juga menawarkan rekaan rumah baru yang lebih kontemporari berbanding rekaan yang terdahulu. Berikut merupakan rekaan terbaru yang dipamerkan di laman web [RMR](#).

## 6. Tanggungjawab pemohon yang tidak akan diuruskan oleh pihak SPNB

Bagi program ini, perlu diingatkan bahawa SPNB hanya bertanggungjawab dalam proses pembinaan rumah sahaja. Penyediaan tapak binaan, penyambungan api dan elektrik perlu diuruskan oleh pihak pemohon. Bagi urusan ubahsuai, SPNB membina rumah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Berikut merupakan tanggungjawab pemohon sendiri yang tidak akan dikendalikan oleh pihak SPNB:

- Ubahsuai yang tidak melibatkan struktur boleh dipertimbangkan melalui permohonan kepada SPNB. Ubahsuai yang berlaku tanpa pengetahuan SPNB adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
- Mengisi dan melengkapkan borang permohonan
- Menyediakan jalan masuk ke tapak dan tapak pembinaan mengikut spesifikasi
  - Membuat penyambungan bekalan utama ke bangunan
  - Membuat pinjaman kepada bank/institusi kewangan (jika perlu)

## 7. Tempoh kelulusan dan pembinaan rumah

Selepas anda menghantar permohonan, maklum balas akan diberikan dalam tempoh tiga (3) bulan. Kelulusan hanya dibuat tertakluk kepada peruntukan kewangan tahunan semasa. Bagi tempoh pembinaan rumah pula, tempoh yang diperlukan adalah selama lapan belas (18) bulan dari tarikh penyerahan tapak kosong / perjanjian tertakluk kepada terma dan syarat.

BACA: [7 kawasan rumah mampu milik buat golongan sederhana di Lembah Klang](#)

## 8. Ciri-ciri tanah yang ingin digunakan bagi membina rumah

Terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui bagi tanah yang ingin digunakan untuk membina rumah iaitu:

- Tapak tuan tanah yang telah meninggal dunia tidak boleh digunakan dan kesemua tuan tanah mestilah hidup dan memberi kebenaran serta tidak boleh mempunyai sebarang sekatan untuk pendaftaran gadaian
- Tanah yang mempunyai ramai pemilik tanah boleh digunakan asal kesemua pemilik tanah (masih hidup) memberikan persetujuan

## 9. Cara-cara mohon RMR

Permohonan RMR boleh dibuat dengan cara-cara berikut:

1. Layari laman web [Rumah Mesra Rakyat \(RMR\)](#)
2. Klik permohonan dan buat permohonan baru. Isi borang pendaftaran dengan lengkap
3. Kata laluan akan dihantar kepada pemohon
4. Gunakan LoginID (e-mel) dan kata laluan yang diberikan untuk memulakan permohonan RMR
5. Isi maklumat ke dalam sistem
6. Klik Selesai Pendaftaran Borang dan Cetak Borang
7. Hantar borang berserta dokumen yang diperlukan ke Pejabat Cawangan SPNB yang berdekatan

**10. Dokumen yang perlu dihantar sewaktu membuat permohonan RMR**

- Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan (jika berkenaan)
- Salinan kad pengenalan tuan tanah
- Salinan kad pengenalan pemohon kedua (jika berkaitan)
- Salinan geran hakmilik tanah terbaru dan sijil cairan rasmi dari Pejabat Tanah yang terbaru
- Slip gaji terkini (3 bulan) / surat akuan sumpah pendapatan / surat pengesahan pendapatan pemohon / pemohon kedua\*
- Surat akuan sumpah / surat pengesahan tidak memiliki rumah atau memiliki rumah yang usang\*
- Surat akuan kebenaran pelepasan tuan tanah
- Salinan sijil nikah pemohon
- Borang laporan tapak bergambar
- Surat Pengesahan pendapatan/ tidak memiliki rumah/ memiliki rumah usang perlu disahkan melalui Penghulu / Ketua kampung / Pegawai Profesional Kelas A
- SPNB berhak untuk mendapatkan dokumen tambahan tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai program ini, berkunjung ke cawangan yang terdekat atau menghubungi mereka di:

**Alamat:**

Syarikat Perumahan Negara Berhad

Tingkat 8, Wisma Perkeso

Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.